



USUL SIDANG MUDA 2021

DEWAN INI MENCADANGKAN PINDAAN ENAKMEN HAD UMUR PERKAHWINAN ISLAM DILAKUKAN DENGAN SEGERA

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan hari ini serta terima kasih juga kepada ahli dewan sekalian baik di pihak kerajaan ataupun pembangkang. Pada hari ini saya berdiri di sini, di dalam dewan yang mulia ini untuk berhujah mengenai satu usul yang saya rasakan penting untuk kita semua ambil maklum iaitu dewan ini mencadangkan supaya pindaan enakmen had umur perkahwinan Islam iaitu menaikkan had umur dari 16 tahun kepada 18 tahun bagi remaja wanita Islam dilakukan dengan segera.

Menurut anggaran global 2019 yang dinyatakan dalam Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (2020-2025) menyatakan bahawa 1 daripada 5 wanita muda berusia 20 hingga 24 tahun berkahwin sebelum hari jadi ke-18 berbanding 1 daripada 30 lelaki muda. Turut dinyatakan, sebanyak 12 juta kanak-kanak perempuan di bawah 18 tahun berkahwin setiap tahun bersamaan dengan 23 kanak-kanak perempuan bagi setiap minit. Bagi anggaran di Malaysia, sekurang-kurangnya 1,500 kanak-kanak berkahwin setiap tahun setakat 2018. Menurut statistik daripada UNICEF Malaysia menunjukkan sebanyak 1372 remaja wanita Muslim bawah 18 tahun berkahwin sebelum 18 tahun manakala bagi remaja lelaki Muslim adalah sebanyak 170 orang.

Ahli Dewan sekalian,

Disini kita dapat lihat bahawa terdapat jurang jumlah angka yang sangat jauh berbeza diantara remaja wanita dan lelaki Muslim. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti kemiskinan keluarga itu sendiri yang mana bertindak mengahwinkan anak perempuan mereka sebelum waktunya. Itu bagi keluarga yang kurang berkemampuan dari segi kewangan dan ekonomi keluarga namun bagi keluarga yang berada ataupun kaya ada juga yang bertindak sedemikian dek kerana stigma dan normal social masyarakat yang merasakan bahawa tindakan sedemikian adalah normal untuk dilakukan. Laporan dari UNICEF Malaysia sendiri membuktikan bahawa dua faktor ini iaitu kemiskinan dan stigma normal sosial merupakan dua perkara yang banyak menyumbang serta menyebabkan perkahwinan bawah umur untuk berlaku.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan sekalian,

Melihat kepada masalah ini, saya pada hari ini di dalam dewan yang mulia ini ingin bertegas supaya pindaan enakmen had umur perkahwinan Islam terutamanya kepada kaum wanita dilakukan dengan segera iaitu dengan menaikkan had umur perkahwinan yang ada sekarang kepada 18 tahun. Sebelum saya teruskan, saya faham semestinya akan ada mempertikaikan adakah dengan cara kita meminda enakmen ini maka masalah akan terus selesai? Bagaimana dengan keluarga yang kurang berkemampuan menanggung anak mereka tadi? Jadi disini suka untuk saya katakan bahawa pihak kerajaan akan membantu mereka dari sumber kewangan dan menyalurkan bantuan sepatutnya kepada mereka. Kita tidak akan meninggalkan mereka. Bagi keluarga yang kaya, yang banyak mengikut *trend* (dengan izin) menjadikan perkahwinan bawah umur sebagai normalisasi, kita akan dedahkan mereka serta memberi kesedaran bahawa perkahwinan bawah umur tidak patut menjadi amalan.

Tuan Yang Dipertua,

Relevannya untuk pindaan ini dilakukan adalah supaya masyarakat khususnya rakyat negeri Pulau Pinang ini sedar bahawa jika mereka bertindak mengahwinkan anak mereka di usia yang muda ataupun remaja itu sendiri yang mahu melakukan sedemikian maka mereka akan berhadapan dengan tindakan undang-undang. Kita bukan sahaja ingin mengurangkan masalah kahwin bawah umur, memberi kesedaran malah kita juga ingin anak-anak kita mendapat pendidikan yang sewajarnya, serta lebih bersedia dan matang untuk menghadapi alam rumah tangga. Saya percaya rakan perwakilan yang lain juga tidak mahu anak-anak kita tercicir dalam pelajaran kerana perlu menjaga suami ataupun isteri dan bagi yang masih boleh belajar walaupun berkahwin seboleh-bolehnya kita ingin mereka betul-betul bersedia melayari alam rumah tangga kerana kita tahu alam perkahwinan ini bukanlah sesuatu yang mudah.

Akhir sekali, saya juga ingin menyeru kepada semua pihak tidak kiralah kerajaan, pembangkang ataupun seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang untuk kita sama-sama membanteras dan menangani isu perkahwinan bawah umur ini dengan apa cara sekalipun. Saya sebagai seorang belia tidak mahu isu ini terus berlaku kerana ia jelas dapat menyebabkan anak-anak remaja juga tertinggal dalam pelajaran, ekonomi dan banyak lagi. Mereka ini merupakan asset negara yang perlu kita jaga dengan baik.

Sekian perbahasan saya hari ini, terima kasih.

Nurul Aina Binti Jamaluddin

EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemeraksa Komuniti

Sidang Muda 2021